

S'pura rebut dua emas dalam silat seni

BERITA HARIAN, 14 August 2002, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL24707

Printer-Friendly Page

S'pura rebut dua emas dalam silat seni

OLEH MOHD SANI ALI

BUAT julung-julung kalinya dalam sejarah pencak silat setempat, Singapura berjaya merebut dua pingat emas dari acara silat seni di kejohanan antarabangsa.

Ini menyusuli kejayaan pesilat negara di Kejohanan Silat Asia Pasifik di Pusat Kecemerlangan Silat di Bedok yang berakhir semalam.

Alya Osman, yang menduduki tempat keempat di Sukan SEA Kuala Lumpur 2001, berjaya mengatasi pemenang pingat gangsa sukan itu, Dayang Rosidah Haji Lamit.

Menyusul kemudian ialah kejayaan tiga serangkai — Md Rashid Md Haniff, Abdul Rahim Anwar dan Md Hafizul Arham.

Kejayaan itu diikuti pula oleh keterampilan tiga lagi pesilat dalam acara olahraga, Imran Abdul Rahman, Mohd Noor Rafili dan abangnya, Mohd Zulfakar Mohd Ramli, untuk meraih emas di pertandingan akhir malam tadi.

Bagaimanapun, kejayaan mereka masih gagal menyekat Vietnam untuk keluar sebagai juara keseluruhan yang memungut enam emas daripada 11 final yang disertainya.

Turut hadir menyaksikan kejohanan silat antarabangsa yang buat pertama kali yang dianjurkan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) ialah Menteri Pendidikan, Laksamana Pertama (Kerahan) Teo Chee Hean.

► Laporan lain, 15&16



'Pardekar berdiri megah': Pesilat Singapura, Mohd Noor Rafili Mohd Ramli (dua dari kanan), mengangkat tangan pemenang pingat perak, Le Tuan Anh dari Vietnam (kanan), dan pesilat dari Thailand, Abdullah Mahlee (gangsa), Edwin Simacon dari Filipina (kiri sekali) juga memenangi gangsa.

FOTO: TUKIMAN WARJI